



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2026**

**10 MAC 2026 (SELASA) | 20 RAMADAN 1447H | 2.30 PETANG
PUSAT PERDAGANGAN DAN PAMERAN ANTARABANGSA
MALAYSIA (MITEC), KUALA LUMPUR**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Ramadan Al-Mubarak, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dapat kita berhimpun pada hari ke-20 Ramadan ini — hari yang penuh barakah — untuk mengiktiraf sumbangan dan meraikan kekuatan wanita yang menjadi tunjang kemajuan negara. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, atas kepimpinan berterusan beliau dalam memastikan agenda wanita kekal menjadi keutamaan nasional. Kehadiran YAB bukan sekadar

menyerikan majlis — tetapi simbol nyata bahawa di bawah kerangka Malaysia MADANI, suara dan potensi wanita bukan lagi di pinggiran, tetapi diarusperdanakan dalam pembangunan negara.

SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA: MEMARTABAT WANITA, MEMPERKUKUH NEGARA

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

2. Sejarah perjuangan wanita di peringkat global membuktikan bahawa apabila wanita diberikan peluang yang adil dan saksama, mereka bukan sahaja mampu memperkukuh institusi keluarga, malah menjadi pemacu pembangunan negara secara menyeluruh. Itulah semangat yang kita angkat tahun ini melalui tema "**Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara**" — tema yang turut menjadi teras **Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025-2030** — sebagai tekad kita untuk meletakkan wanita sebagai pemacu kemajuan nasional.

3. Dasar Wanita Negara 2025-2030 adalah manifestasi iltizam berterusan Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan dan daya saing wanita dalam tenaga buruh, memperluas ruang perwakilan dan pengaruh dalam kepimpinan, memantapkan usaha pencegahan serta penghapusan keganasan dan diskriminasi, dan memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup wanita terus dipertingkatkan.

SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin yang saya kasihi,

4. Sepanjang bulan Februari hingga April 2026, Hari Wanita turut disambut di peringkat negeri selari dengan prinsip '*No one is left behind*' — merangkumi Sarawak, Perak, Pulau Pinang dan Kelantan. Pada pagi tadi, **Forum Agenda Wanita Negara** membincangkan tema wanita dalam industri kreatif, kesaksamaan gender dalam organisasi, dan pembinaan ekosistem pekerjaan inklusif.

5. Sebentar lagi, kita bakal menyaksikan pengumuman inisiatif khusus untuk wanita oleh YAB Perdana Menteri, diikuti penyampaian **Anugerah SHWA26** — pengiktirafan kepada wanita inspirasi, syarikat mesra wanita dan NGO yang gigih memperjuangkan hak dan kemajuan wanita.

PERJUANGAN MEMPERKASA WANITA

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin yang saya kasihi,

6. Dasar Wanita Negara 2025–2030 telah menetapkan sasaran keberhasilan (outcome) yang jelas merentasi empat bidang keutamaan iaitu kepimpinan, ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan. Dari segi kepimpinan, matlamatnya ialah memastikan sekurang-kurangnya **30 peratus wanita berada di peringkat pembuat keputusan.**

7. Pada hari ini, kita boleh berbangga dengan pencapaian wanita sebagai pembuat keputusan di semua peringkat. Statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga Disember 2025 melaporkan **penglibatan wanita di peringkat pengurusan tertinggi sektor awam telah mencapai 39.4 peratus**, sekali gus melepasi sasaran 30 peratus yang telah ditetapkan sejak 2004.

8. Di sektor swasta, data Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menunjukkan bahawa wanita kini memegang **34.6 peratus kerusi Lembaga Pengarah dalam 100 syarikat awam tersenarai (PLC) teratas di Bursa Malaysia**. Kejayaan ini mencerminkan kemajuan yang signifikan dalam mengukuhkan kepimpinan wanita dalam tadbir urus korporat.

9. Bagi memangkin pembangunan bakat kepimpinan wanita, KPWKM melalui JPW telah membelanjakan **RM11.5 juta** bagi pelaksanaan pelbagai program pemerksaan dan kepimpinan sepanjang tahun 2025, termasuk **Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS)**. Kejayaan PERANTIS pada tahun 2025 dizahirkan dengan penyertaan lebih 4,000 orang peserta yang dibimbing oleh 100 tokoh wanita. Pada tahun 2026, momentum ini diteruskan dengan peruntukan RM4juta bagi memilih 80 tokoh wanita baharu.

10. Dari segi ekonomi, Kerajaan menyasarkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 60 peratus menjelang 2030, selaras dengan sasaran Ekonomi MADANI. Hakikat bahawa lebih 60 peratus peserta Program **PROTÉGÉ-RTW** di bawah KUSKOP terdiri daripada graduan wanita membuktikan bahawa komitmen kerajaan dan pihak korporat untuk merealisasikan sasaran ini bukan sekadar retorik.

11. KPWKM bersama KESUMA melalui TalentCorp melaksanakan **Inisiatif Wanita MyWira** yang dirancang untuk memberi manfaat kepada 15,000 wanita pada tahun 2026 menerusi program **WIN** dan **Wanita MyWira Accelerator** — membuka laluan kepimpinan dalam sektor-sektor masa hadapan.

12. Selain itu, **Career Comeback Programme (CCP)** terus dipertingkatkan bagi memudah cara kemasukan semula wanita ke pasaran kerja, sementara **Program Makmal Tindakan Korporat** oleh TalentCorp bersama UN Women dijangka memanfaatkan lebih 23,000 pekerja dan tanggungan dalam membentuk ekosistem pekerjaan yang lebih mesra wanita.

13. Walaupun kemajuan dalam bidang kepimpinan dan ekonomi semakin ketara, isu keselamatan wanita masih kekal sebagai keutamaan yang mendesak. Sepanjang 2025, **7,391 kes keganasan terhadap wanita** telah dilaporkan. Sebagai respons, KPWKM melaksanakan **1,131 program advokasi** yang menjangkau **154,241 peserta**, disokong oleh **339,813 sukarelawan Skwad Waja** yang menjadi pelindung komuniti di seluruh negara.

14. KPWKM sentiasa teguh dalam memperluaskan sokongan kesejahteraan wanita secara menyeluruh bagi memastikan kebahagiaan ini terus mapan. Ini dizahirkan melalui tiga inisiatif utama: **KASIHnITa** yang memperkasa ibu tunggal melalui kemahiran perundangan, pengurusan kewangan dan pembangunan potensi; **IRIS** yang memberi pendedahan berkaitan hak dan perundangan wanita; serta **MATAHARI** yang memberi tumpuan kepada daya tahan psikologi dan ketahanan mental.

15. Sejak 2023, KPWKM melalui JPW telah melaksanakan program advokasi antigangguan seksual selaras dengan Akta Antigangguan Seksual 2022 — dengan **50 program** dijalankan sepanjang 2025 yang menjangkau **7,009 kumpulan sasaran. Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS)** pula telah berjaya menyelesaikan **56 daripada 83 aduan** sejak mula beroperasi pada 8 Mac 2024 — membuktikan bahawa mangsa kini mempunyai saluran keadilan yang nyata dan berkesan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan para hadirin yang saya muliakan,

16. KPWKM terus memainkan peranan strategik sebagai peneraju dan penyelarاس utama komitmen Malaysia di bawah ***Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*** melalui penyediaan laporan negara, penyelarasan kerjasama rentas kementerian dan agensi, serta pengukuhan agenda perlindungan, penyertaan dan pemerkasaan wanita.

17. Komitmen ini jelas terbukti apabila Malaysia berjaya mengemukakan Laporan Berkala CEDAW Keenam mengikut jadual dan membentangkan pendirian negara dalam Sesi Dialog Konstruktif di Geneva pada tahun 2024.

PENUTUP

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Puan-puan dan Tuan-Tuan yang dirahmati sekalian,

18. Wanita bukan sahaja tunjang keluarga dan masyarakat — mereka adalah rakan kongsi strategik dalam pembangunan nasional. Maka marilah kita terus saling mengangkat, menyokong dan memberi inspirasi antara satu sama lain, kerana masa depan negara dibentuk oleh tangan-tangan wanita yang berani dan berdedikasi seperti anda semua.

19. — *women are strong, women are amazing and women should support women!* Anda kuat, anda luar biasa, dan saya bangga berdiri di sini bersama anda semua. **Wanita Malaysia — hebat!**
20. Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama menjayakan majlis yang bersejarah ini.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
10 MAC 2026